

FAQs

HPV dan Vaksinasi HPV

1. Apakah ‘Human Papillomavirus (HPV)?’

HPV merupakan virus yang disebarluaskan melalui aktiviti seksual. Ia merupakan jangkitan seksual yang paling kerap dan sebanyak 80% orang dijangka akan dijangkiti virus ini dalam jangka hayat mereka.

HPV boleh berjangkit melalui aktiviti seks oral, seks faraj, seks anal dan melalui sentuhan kulit dengan kulit.

Lelaki dan wanita haruslah mendapatkan imunisasi HPV. Hal ini penting kerana sesetengah jenis virus HPV boleh menyebabkan kanser serviks, vulva dan faraj (vagina) bagi golongan wanita manakala, bagi golongan lelaki, ia boleh menyebabkan kanser zakar dan dubur. Sesetengah jenis virus HPV juga boleh menimbulkan kutil kelamin dalam kalangan lelaki dan wanita.

2. Apakah itu vaksin HPV?


Vaksin HPV adalah vaksin yang berfungsi untuk mencegah jangkitan daripada pelbagai jenis virus HPV yang sering dikaitkan dengan pelbagai kanser dan kutil kelamin.

3. Apakah perbezaan antara jenis-jenis vaksin HPV?

- Jenis vaksin HPV berbeza mengikut kebolehannya melindungi badan daripada bilangan jenis virus.
- Bivalent (Cervarix) melindungi daripada 2 jenis virus HPV (16 dan 18)
- Quadrivalent (Gardasil 4) melindungi daripada 4 jenis virus HPV (6, 11, 16, dan 18)
- Nonavalent (Gardasil 9) melindungi daripada 9 jenis virus HPV (6, 11, 16, 18, 31, 33, 45, 52, dan 58)
- Gardasil 4 dan 9 memberi perlindungan daripada empat virus yang paling kerap - HPV 16 & 18 yang menyebabkan 70% daripada semua kanser serviks dan HPV 6 & 11 yang menyebabkan 90% daripada semua kutil kelamin.

4. Siapakah yang sepatutnya mendapatkan Vaksin HPV?

- Lelaki dan wanita haruslah divaksinasi.
- Kanak-kanak dan dewasa (9 hingga 26 tahun) - Jika vaksinasi diberikan sebelum umur 15 tahun, 2 dos vaksin diperlukan. (6 hingga 12 bulan selepas dos pertama).
- Dewasa (27 hingga 45 tahun) - Vaksin HPV dalam golongan ini membawa manfaat yang berkurang kerana kemungkinan besar, ramai sudah pun terdedah kepada virus dalam lingkungan usia ini.



Soalan lazim mengenai Vaksin HPV (Gardasil 4 & 9)



1. Kenapa saya perlu mendapatkan vaksin HPV?

Dengan vaksin ini, ia akan melindungi dan menghalang anda daripada menjangkiti atau dijangkiti oleh virus daripada pasangan seks anda.

2. Adakah vaksin HPV dos ketiga diperlukan?

Orang dewasa adalah sangat disyorkan menerima ketiga-tiga vaksinasi lengkap dan mengikut jadual imunisasi yang telah ditetapkan. Ia bagi memastikan anda mendapatkan tindakbalas imun yang optimum terhadap virus tersebut.

3. Saya aktif secara seksual, perlukah saya mendapatkan vaksin HPV?

Ya, haruslah! Hal ini kerana walaupun anda mungkin telah dijangkiti oleh satu jenis virus, vaksin ini masih boleh melindungi anda daripada jenis virus HPV yang lain dan ini akan mengurangkan risiko anda dijangkiti ketut kelamin dan kanser pada masa akan datang.

4. Adakah Vaksinasi HPV selamat?

Ya. Menurut Pusat Kawalan Penyakit (CDC) di Amerika Syarikat, selepas 10 tahun pemantauan dan penyelidikan, vaksin HPV sudah dibuktikan selamat dan berkesan.

5. Adakah saya perlu dipantau dengan ketat selepas menerima vaksinasi?

Tidak. Selepas vaksinasi, pemantauan khas tidak diperlukan, selain mengikuti jadual 3-dos vaksinasi. Walaubagaimanapun, mereka yang telah menerima vaksin dinasihatkan untuk meneruskan saringan rutin kanser seperti yang disyorkan oleh doktor.

6. Bolehkah saya mengalami kesan sampingan daripada vaksinasi HPV?

Anda akan mengalami kesan sampingan yang ringan seperti kemerah-merahan, bengkak dan sakit otot di tempat suntikan. Selain daripada itu, tiada kesan sampingan serius pernah dilaporkan.

7. Adakah vaksin HPV selamat bagi perempuan yang mengandung?

Vaksin HPV tidak disyorkan diambil semasa mengandung kerana lebih kajian diperlukan untuk mengesahkan samaada ia adalah selamat untuk bayi yang ibunya divaksinasi semasa mengandung.

8. Adakah vaksin HPV untuk kanak-kanak wajib?

Ya. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengesyorkan kanak-kanak haruslah diberi vaksin HPV dan umur yang dicadangkan adalah 9 hingga 14 tahun. Hal ini kerana tindakbalas imun pada masa ini adalah lebih kuat dan vaksin berkesan sebelum mereka didedahkan kepada virus HPV.

9. Berapa banyak dos vaksin Gardasil diperlukan?

Dos vaksin HPV yang disyorkan ialah 0.5 ml melalui suntikan secara intramuscular, dimana bilangan dos yang diberikan (3-dos atau 2-dos) bergantung kepada umur.

2-dos vaksinasi diberikan kepada remaja berumur 9-14 tahun, sementara 3-dos vaksinasi diberikan kepada orang dewasa berumur 15 tahun dan keatas.

10. Bagaimana jadual pengambilan vaksin HPV?

- Bagi kanak-kanak berumur 9-14 tahun, 2-dos vaksinasi diberikan dengan tempoh minima sebanyak 5 bulan di antara dos pertama dan kedua.
- Bagi mereka yang berumur 15 tahun dan keatas, 3-dos vaksinasi diberikan dengan tempoh minima sebanyak 4 minggu di antara dos pertama dan kedua & 12 minggu di antara dos kedua dan ketiga atau 5 bulan di antara dos pertama dan ketiga.

Rujukan

1. Gardasil Package Insert [Internet]. Fda.gov. 2019 [cited 6 November 2019]. Available from: <https://www.fda.gov/files/vaccines,%20blood%20&%20biologics/published/Package-Insert--Gardasil.pdf>
2. Gardasil [Internet]. Ema.europa.eu. 2019 [cited 6 November 2019]. Available from: https://www.ema.europa.eu/en/documents/product-information/gardasil-epar-product-information_en.pdf
3. HPV | For Clinicians | Vaccination Schedules and Recommendations | CDC [Internet]. Cdc.gov. 2019 [cited 6 November 2019]. Available from: <https://www.cdc.gov/hpv/hcp/schedules-recommendations.html>
4. Human Papillomavirus (HPV) Vaccines [Internet]. National Cancer Institute. 2019 [cited 6 November 2019]. Available from: <https://www.cancer.gov/about-cancer/causes-prevention/risk/infectious-agents/hpv-vaccine-fact-sheet>
5. Luckett R, Feldman S. Impact of 2-, 4- and 9-valent HPV vaccines on morbidity and mortality from cervical cancer. Human vaccines & immunotherapeutics. 2016 Jun 2;12(6):1332-42.
6. Markowitz LE, Dunne EF, Saraiya M, Chesson HW, Curtis CR, Gee J, Boccolini Jr JA, Unger ER. Human papillomavirus vaccination: recommendations of the Advisory Committee on Immunization Practices (ACIP). Morbidity and Mortality Weekly Report: Recommendations and Reports. 2014 Aug 29;63(5):1-30.
7. Meites E, Kempe A, Markowitz LE. Use of a 2-dose schedule for human papillomavirus vaccination—updated recommendations of the Advisory Committee on Immunization Practices. American Journal of Transplantation. 2017 Mar;17(3):834-7.
8. Stanley M, Wheeler C.. HPV VLP vaccines-alternative dosage schedules and immunization in immunosuppressed subjects. InPrimary End-points for Prophylactic HPV Vaccine Trials 2014. International Agency for Research on Cancer.